



LEE SOK WAH & CO.
李素桦律师事务所

ADVOCATES AND SOLICITORS

Peguambela dan Peguamcara
Notary Public Notari Awam 国际公证人

MAIN OFFICE
Suite 14.01, 14th Floor,
Wisma Mirama,
Jalan Wisma Putra,
50460 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: + (6) 03 2110 3248 / 3428
Fax: + (6) 03 2113 0207
Email: hllegal@yahoo.com.my
Website: www.leesokwah.com.my

PARTNERS

Lee Sok Wah, Alice (AMP)

LLB (Hons), University of London (CLP)

Hong Nan Tong

LLB (Hons), University of London (CLP)

LEGAL ASSOCIATES

Tan Xiang Yi, Aria

LLB (Hons), Cardiff (CLP)

Tey Zi Xin

LLB (Hons), University of London (CLP)

Nur Amira Hidayah binti Razali

LLB (Hons), UITM

OFFICE HOURS

Mondays to Fridays

(9.00am - 6.00pm)

Public Holiday & Weekend:

By Appointment Only

Ruj kami : CZ/KDN-2024/1/AL-LETCHU/R

Tarikh : 2.10.2024

Kementerian Dalam Negeri,

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62551 Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

Secara Email: norkhairunnisa@moha.gov.my

Untuk Perhatian: Puan Norkhairunnisa binti Khairuddin
(Setiausaha Pejabat Menteri Dalam Negeri)

Puan,

Per: Rayuan untuk Menghentikan Tindakan Mendakwa Ibu Bapa Angkat di Mahkamah dan Mempercepatkan Pengeluaran Sijil Kelahiran untuk Proses Pengangkatan

Dengan segala hormatnya, kami merujuk kepada surat dan memorandum bertarikh 20.09.2024 yang pihak kami hantar melalui email dan kurier kepada YB Datuk Seri untuk membuat rayuan untuk menghentikan tindakan mendakwa ibu bapa angkat di Mahkamah dan mempercepatkan pengeluaran sijil kelahiran untuk proses pengangkatan. Tujuan pihak kami menulis surat ini kepada Puan adalah untuk dengan hormatnya memohon temu janji untuk bertemu dengan YB Datuk Seri secara peribadi bagi membincangkan memorandum kami berkaitan dengan perkara di atas.

2. Pihak kami ingin merujuk kepada perkara di atas, di mana ibu bapa angkat yang semakin ramai didakwa di mahkamah kerana tidak melalui prosedur pengangkatan yang sah di mahkamah atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kami percaya bahawa ramai ibu bapa angkat terlibat dalam kekhilafan undang-undang, tanpa niat untuk melanggar peraturan.

BENTONG BRANCH

No.88, 2nd Floor, Jalan Loke Yew, 28700 Bentong, Pahang Darul Makmur, Malaysia.

Tel: + (6) 09 222 7722 Fax: + (6) 09 222 7733

Tujuan memorandum pihak kami adalah untuk memohon pihak yang berkenaan untuk menyemak semula prosedur perundangan ibu bapa angkat yang terlibat dalam kekhilafan prosedur pengambilan anak angkat.

3. Pihak kami telah menguruskan beberapa kes berkenaan dengan isu pengangkatan sejak beberapa tahun yang lalu. Sebelum prosedur baru berkuatkuasa, apabila terdapat masalah sewaktu ibu bapa angkat memohon MyKad untuk anak angkat yang telah ditarik balik kewarganegaraan disebabkan perbezaan rupa paras atau warna kulit, pihak JPN biasanya akan mengeluarkan sijil kelahiran baru tanpa nama ibu bapa angkat agar ibu bapa angkat dapat meneruskan proses pengangkatan di mahkamah. Setelah sijil kelahiran baru yang sah diperoleh, ibu bapa angkat boleh memohon kewarganegaraan anak angkat tanpa keperluan untuk proses yang mungkin mengambil masa lebih daripada empat (4) tahun.

4. Namun, kami perhatikan kini JPN telah mengambil tindakan yang lebih drastik, di mana ibu bapa angkat dibawa ke mahkamah dan didakwa atas kesalahan jenayah, mengakibatkan mereka tidak dapat mendapatkan sijil kelahiran baru. Oleh hal yang demikian, ibu bapa angkat terpaksa berhadapan dengan tekanan emosi serta kewangan yang besar serta anak angkat yang tidak mempunyai apa-apa dokumen yang sah.

5. Kami percaya bahawa hukuman berat yang dikenakan terhadap ibu bapa yang hanya berniat untuk menjaga kebajikan anak angkat mereka adalah sangat tidak wajar. Ini berbanding dengan kaedah pengangkatan di negara-negara maju seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat, di mana keluarga angkat diberi sokongan kewangan oleh kerajaan. Mengapa ibu bapa angkat di Malaysia yang kurang berpengetahuan dalam prosedur dan undang-undang pengangkatan dihukum dengan berat sedangkan niat mereka hanyalah untuk memberikan kehidupan yang lebih baik kepada anak angkat?

6. Sekiranya kita ingin mengurangkan jumlah golongan ibu bapa angkat yang tidak bersalah daripada berhadapan dengan tindakan undang-undang, undang-undang perlu diperketatkan dari peringkat awal. Proses penyiasatan yang lebih menyeluruh perlu dilakukan sebelum sijil kelahiran dikeluarkan kepada ibu bapa angkat, bagi memastikan tiada kekeliruan atau kekhilafan dalam proses ini. Proses pendakwaan ini memakan masa yang lama dan anak angkat juga tidak memperoleh sijil kelahiran tanpa nama ibu bapa seperti dulu.

7. Pada masa ini, kami sedang mengendalikan 6 kes di mana ibu bapa angkat telah mengakui kekhilafan mereka kepada JPN berkenaan prosedur dan undang-undang. Mereka kini sedang menunggu sijil kelahiran yang akan dikeluarkan oleh JPN supaya dapat meneruskan proses pengangkatan mengikut perundangan yang sepatutnya. Malangnya, mereka telah menunggu untuk tempoh yang sangat lama dan sehingga kini sijil kelahiran bagi kes-kes ini masih belum dikeluarkan oleh JPN.

(Sesalinan Carta Kes Pengangkatan dilampirkan bersama dokumen sebagai Lampiran A)

8. Memorandum kami adalah bertujuan untuk memohon agar prosedur ini disemak semula sebelum ia dikenakan ke atas ibu bapa angkat yang tidak berniat melanggar undang-undang. Kami juga mencadangkan agar sokongan dan panduan yang lebih jelas diberikan kepada keluarga angkat agar mereka dapat memahami dan mematuhi semua prosedur undang-undang tanpa perlu berhadapan dengan risiko hukuman yang berat. Anak-anak yang telah dibesarkan di negara Malaysia wajarlah diberikan dengan dokumen pengenalan diri sebelum mana-mana ibu bapa didakwa di mahkamah agar mereka tidak hidup di negara mereka tanpa satu identiti.

9. Bersama-sama dengan Memorandum ini kami telah melampirkan dua kes yang sedang diuruskan oleh pihak kami untuk membantu pemohon dan anak angkat mereka mendapatkan dokumen pengenalan diri.

(Sesalinan Ringkasan Status Kes dilampirkan bersama dokumen sebagai Lampiran B)

10. Sebagai warganegara yang prihatin, pihak kami percaya adalah penting untuk menangani isu-isu ini kerana perkara-perkara seperti ini mempunyai impak yang ketara kepada ramai individu dan keluarga, dan pihak kami tidak sabar-sabar untuk berkongsi pandangan dan perspektif yang boleh menyumbang kepada perubahan yang positif.


11. Pihak kami faham YB Datuk Seri agak sibuk, tetapi kami percaya bahawa pertemuan ringkas boleh memberi manfaat besar dalam meneroka isu-isu mendesak ini. Pihak kami bersedia untuk menampung masa YB Datuk Seri yang ada dan boleh bertemu di pejabat YB Datuk Seri atau lokasi lain pilihan YB Datuk Seri.

12. Kami berharap agar Puan dan juga YB Datuk Seri dapat memberikan perhatian yang sewajarnya kepada isu ini dan membantu mengurangkan beban keluarga angkat yang hanya mahu memberikan kebajikan dan kehidupan yang lebih baik kepada anak-anak angkat mereka.

13. Terima kasih kerana mempertimbangkan permintaan pihak kami. Pihak kami menantikan kemungkinan membincangkan topik penting ini dengan YB Datuk Seri.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



LEE SOK WAH & CO

Lamp/

Sk:

1. Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara
No. 20, Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62551 W.P Putrajaya
Malaysia

E-mel: pro@jpn.gov.my

2. YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat
Aras 38, No.55, Persiaran Perdana Presint 4
62100 W.P Putrajaya
Malaysia

E-mel: nancyshukri@kpwkm.gov.my

3. YB Dato' Sri Azalina Binti Othman Said
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-Undang Dan Reformasi Institusi)
Pejabat Menteri,
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

E-mel : ybaos63@jpm.gov.my